

1981

107

KUALA LUMPUR, 3 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI MASANYA TELAH TIBA BAGI MENJADIKAN KONSEP PERTUKARAN BERITA ASIA SATU KENYATAAN SEBAGAI SATU LANGKAH MENUBUHKAN SATU SUSUNAN BARU MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI DUNIA.

KATANYA NEGARA-NEGARA ASIA TIDAK SEHARUSNYA MEMBENARKAN ORANG LAIN MENGUASAI MAKLUMAT MENGENAINYA.

PERDANA MENTERI YANG MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG PERTUBUHAN AGENSI-AGENSI BERITA ASIA (OANA) BERKATA DUNIA KETIGA TELAH BANYAK MENDERITA DARI +KEBEBASAN UNTUK MENCARI, MENERIMA DAN MENYEBARKAN MAKLUMAT DAN SEGALA MACAM IDEA, TANPA MENGIRA SEMPADAN+.

+PADA MASA SEMPADAN-SEMPADAN KITA TELAH DICEROBOHI BERKALI-KALI KITA TIDAK MEMPUNYAI KEUPAYAAN YANG SAMA BERHUBUNG DENGAN SEMPADAN-SEMPADAN YANG MENGAWAL MEDIA DUNIA.

+DISEBABKAN PENGGUNAAN KEBEBASAN AKHBAR BEGITU MENYEBELAH NEGARA-NEGARA MAJU, KITA TERPAKSA MEMPERJUANGKAN AGAR DIWUJUDKAN SATU SUSUNAN BARU MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI, + TEGASNYA.

--BERSAMBUNG 1207/AN

B516

MAHATHIR-OANA 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA PENGUASAAN BARAT KE ATAS MEDIA ANTARABANGSA TELAH MENGANCAM KERAJAAN BEBERAPA BUAH NEGARA MEMBANGUN SEHINGGA SETENGAH-SETENGAHNYA DIGULINGKAN.

YANG SEDIHNYA IALAH BAHAWA KERAJAAN YANG MENGAMBILALIH KERAP KALI ADALAH KURANG DEMOKRATIK DARIPADA KERAJAAN YANG DIGULINGKAN.

+APA-APA KERAJAAN YANG MENGAMBILALIH, TIDAK LAMA KEMUDIAN MEREKA PULA MENJADI MANGSA KEGIATAN ANTARABANGSA MEMBURUK-BURUKKAN OLEH MEDIA BARAT, + TEGASNYA.

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU LEBIH 20 BUAH AGENSI BERITA TERMASUK DARI NEGARA-NEGARA BUKAN ANGGOTA OANA DI PASIFIK YANG MENYERTA PERHIMPUNAN EMPAT HARI ITU, BAHAWA BELIAU MENYEDARI YANG AGENSI-AGENSI BERITA ANTARABANGSA SANGAT KUAT.

MALAYSIA, KATANYA TELAH MENGALAMI BEBERAPA KEJADIAN AKIBAT PERBUATAN MEREKA DAN +TERASA PAHITNYA+.

+TETAPI DEMI KEBEBASAN AKHBAR ITU SENDIRI, KITA TIDAK BOLEH DITAKUT-TAKUTKAN DENGAN ANCAMAN-ANCAMAN TERHADAP IMEJ NEGARA KITA, + TEGASNYA.

--BERSAMBUNG 1216/AN

B517

MAHATHIR-OANA 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI KESAL TENTANG APA YANG DISEBUTNYA SEBAGAI KURANGNYA RASA TANGGUNGJAWAB SOSIAL PADA PIHAK SETENGAH-SETENGAH KAKITANGAN MEDIA.

KATANYA MALAYSIA SANGAT KHUATIR DENGAN KEKERAPAN KEJADIAN SALAH LAPOR, SAMA ADA SECARA SENGAJA ATAU TIDAK DISENGAJA, BERHUBUNG DENGAN HAL EHWALNYA DALAM AKHBAR-AKHBAR ASING TERUTAMA AKHBAR-AKHBAR BARAT.

MALAYSIA MENGALAMI PERISTIWA PAHITNYA YANG PERTAMA SEJURUS SELEPAS BERLAKUNYA PERISTIWA 13 MEI, 1969 YANG MANA PARA PEMBACA LUAR NEGERI DISOGOKKAN DENGAN PANDANGAN-PANDANGAN YANG TIDAK BETUL TENTANG APA YANG BERLAKU.

+MALAH BERBAGAI-BAGAI RAMALAN BURUK DIBUAT YANG MENGANDAIKAN BAHAWA DUNIA BOLEH MENGENEPIKAN MALAYSIA+.

DALAM HAL ITU, MALAYSIA BUKAN SAHAJA DAPAT MENGATASI MASALAH ITU TETAPI IA JUGA MUNCUL SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG LEBIH KUAT, BERPADU DAN LEBIH MAKMUR DARI MASA-MASA LALU.

--BERSAMBUNG1227/AN

B519

MAHATHIR-OANA 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR.MAHATHIR BERKATA TAHUN-TAHUN SELEPAS BERLAKUNYA PERISTIWA PAHIT ITU MELIHAT MALAYSIA SEKALI-SEKALA MENJADI MANGSA KEPADA REKAAN DAN PERBUATAN SENSASI SETENGAH-SETENGAH PARA WARTAWAN YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB. SETENGAH DARIPADA MEREKA TIDAK PERNAH MELAWAT NEGARA INI.

+KEBELAKANGAN INI HASIL DARI USAHA-USAHA SAH KITA UNTUK MENGUASAI SEMULA SUMBER-SUMBER KAMI, KAMI TELAH MENJADI MANGSA BERBAGAI-BAGAI LAPORAN YANG BERTUJUAN MENAKUT-NAKUTKAN PARA PELABOR ASING DARI NEGARA KAMI.+ KATANYA.

108
PERDANA MENTERI JUGA MENGISAHKAN KEJADIAN BARU-BARU INI DI MANA
PENERBIT SEBUAH BUKU KANAK-KANAK MENSIFATKAN RAKYAT MALAYSIA
SEBAGAI ORANG YANG MASIH TINGGAL DI ATAS POKOK UNTUK LARI
DARI BINATANG BUAS.

+PENERBIT-PENERBIT SEMACAM INILAH YANG KITA DI MALAYSIA MAHU
MENJAUHKAN DIRI,+ TEGASNYA.
--BERSAMBUNG 1243/AN

B520
MAHATHIR-OANA 5 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR.MAHATHIR BERPENDAPAT BAHAWA JAWAPAN
KEPADA MASALAH-MASALAH INI SEBAHAGIAN BESARNYA BERGANTUNG
KEPADA RAKYAT DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SENDIRI.

+KITA TIDAK SEHARUSNYA MEMBENARKAN ORANG LAIN MENGUASAI
MAKLUMAT TENTANG DIRI KITA SENDIRI. KITA HENDAKLAH MELUASKAN
USAHA-USAHA MEMAKLUMKAN DUNIA TENTANG YANG BENAR MENGENAI
DIRI KITA DAN APA PULA YANG DIBUAT-BUAT,+ KATANYA.

+ORANG-ORANG ASIA JANGLAH TERJERUMUS KE DALAM CORAK
SENSASI DAN KEGIATAN MEMBURUK-BURUKKAN SECARA MELALU YANG
MERUPAKAN CIRI SEMULAJADI AKHBAR BARAT. KITA HENDAKLAH MENCERITA-
KAN SESUATU SECARA SEBENARNYA+.

+DIBERI MASA, DUNIA AKAN MENYEDARI BAHAWA KITA BOLEH DIPERCAYAI
DAN KEWIBAWAAN KITA AKAN MENJAMIN PENERIMAAN KITA,+ JELASNYA.
--BERNAMA 1256/AN

B521

MAHATHIR-OANA 6 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TELAH SEKIAN LAMA SEHINGGA SEKARANG INI NEGARA-NEGARA DUNIA KETIGA MENGALAMI LAYANAN BURUK YANG TERUS MENERUS DARI AGENSI-AGENCI BARAT SEDANG AKHBAR-AKHBARNYA PULA TIDAK MEMBERI RUANGAN YANG SEWAJARNYA KEPADA BERITA-BERITA DARI NEGARA-NEGARA DUNIA KETIGA. WALAU APAPUN ALASAN-ALASAN TENTANG TERDAPATNYA KETIADAKSEIMBANGAN ALIRAN BERITA ANTARA NEGARA-NEGARA MAJU DAN NEGARA-NEGARA YANG SEDANG MEMBANGUN, KATANYA HAL INI TIDAK DAPAT LAGI DITERIMA OLEH NEGARA-NEGARA DUNIA KETIGA.

PERDANA MENTERI BERKATA HAKIKAT KEHADIRAN LEBIH 20 BUAH AGENSI BERITA ASIAN DALAM PERSIDANGAN TERSEBUT MERUPAKAN SATU MANIFESTASI BETAPA PERHATIAN BERAT MEREKA UNTUK MEWUJUDKAN RANGKAIAN PERTUKARAN BERITA ASIA.

BELIAU BERSETUJU DENGAN PENDAPAT-PENDAPAT AKAH PERLUNYA PIHAK-PIHAK BERKUASA TELEKOM MENGURANGKAN TARIF BAGI MEMPASTIKAN PROGRAM PERTUKARAN BERITA YANG LEBIH BERMANFAAT DI KALANGAN AGENSI-AGENCI BERITA YANG BUKAN KOMERSIL DI RANTAU INI.
--BERSAMBUNG 1300/AN

MAHATHIR-OANA 7 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DI MALAYSIA SENDIRI TARIF INI TELAH DIKURANGKAN DEMI KEPENTINGAN JANGKA PANJANG RANTAU INI DAN RAKYATNYA.

BELIAU JUGA MENYATAKAN HARAPAN BAHAWA LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH MALAYSIA ITU AKAN DITURUTI OLEH NEGARA-NEGARA LAIN DI RANTAU INI.

+KAMI PERCAYA BAHAWA KECEKAPAN RANGKAIAN PERTUKARAN BERITA DI ASIA DAN PASIFIK BUKAN SAJA AKAN MELICINKAN ALIRAN BERITA ANTARA DAN DI KALANGAN NEGARA-NEGARA YANG SEDANG MEMBANGUN DI RANTAU INI AKAN TETAPI DARI RANTAU INI KE DUNIA LUAR JUGA,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI MENYATAKAN HARAPANNYA BAHAWA WAKTUNYA AKAN TIBA JUA BAGI MEREKA MELIHAT IMEJ ASIA DIGAMBARKAN SENDIRI OLEH RAKYAT ASIA DAN BUKAN OLEH ORANG LUAR YANG TIDAK MERASAKAN KEPERLUAN DAN ASPIRASI ATAU BERSIMPATI DENGAN CITA-CITA RAKYAT ASIA.

--BERSAMBUNG 1303/AN

B523

MAHATHIR-OANA 8 KUALA LUMPUR

+PENYEBARAN MAKLUMAT YANG ADIL DAN SAKSAMA DI KALANGAN RANTAU INI DAN DUNIA LUAR PASTI AKAN MENOLONG PERSEFAHAMAN KERANTAUAN DAN DALAM JANGKA PANJANGNYA MENAMBAHKAN ERAT LAGI USAHA-USAHA KERJASAMA DI KALANGAN NEGARA-NEGARA DI RANTAU INI,+ KATA PERDANA MENTERI.

PERHIMPUNAN EMPAT HARI YANG DITUANRUMAH I OLEH BERNAMA ITU DIDUGA AKAN MELULUSKAN PINDAAN-PINDAAN KEPADA PIAGAM OANA UNTUK MEMBOLEH KEANGGOTAAN BARU DARI NEGARA-NEGARA PASIFIK.
--BERNAMA 1305/AN